ANUGERAH PENTADBIR GEMILANG UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2026

ANUGERAH PERSATUAN PENTADBIR UNIVERSITI AWAM
(ANUGERAH PAMERAN TERBAIK)

1. ASAS ANUGERAH

ANUGERAH PAMERAN TERBAIK merupakan pengiktirafan yang memperlihatkan kecemerlangan dalam kemahiran seni, kreativiti dan penyampaian serta memberikan dorongan kepada pameran untuk terus berusaha mencapai piawaian yang tinggi dalam pameran mereka. Pameran terbaik didefinisikan sebagai pameran atau pertunjukan yang menonjol dan memberikan kesan positif kepada penonton atau pengunjung. Anugerah ini biasanya diberikan kepada pameran yang mempamerkan keindahan, kreativiti, inovasi dan keunggulan dalam penyampaian karya seni, produk atau maklumat.

2. KRITERIA

2.1 Penilaian adalah berdasarkan kepada :

2.1.1 Kreativiti dan Inovasi : Pameran itu memperlihatkan elemen kreativiti dan inovasi dalam konsep, rekaan, atau penyampaian;

2.1.2 Kualiti Visual : Pameran mempunyai kualiti visual yang tinggi, termasuk pemilihan bahan, penataan ruang dan estetika visual yang menarik;

2.1.3 Kesesuaian dengan Tema : Pameran itu berkait rapat dengan tema yang ditetapkan dan penyampaiannya menggambarkan pemahaman yang mendalam terhadap konsep tema tersebut;

2.1.4 Daya Tarikan : Pameran itu mampu menarik perhatian pengunjung dan mencetuskan rasa ingin tahu serta interaksi yang positif;

2.1.5 Kesepadanan dan Konsistensi : Semua elemen pameran seperti perhiasan, paparan bahan dan penggunaan teknologi adalah sepadan dan konsisten dengan konsep keseluruhan; dan

2.1.6 Kesan dan Impak: Pameran itu memberikan kesan yang mendalam kepada pengunjung, mungkin dalam bentuk meningkatkan kesedaran, memberi inspirasi, atau merangsang pemikiran.

2.2 Sumbangan dan pencapaian yang dinilai adalah dalam tempoh tiga (3) tahun terkini (2024, 2025 dan 2026) sahaja.

3. SYARAT – SYARAT & PERATURAN

3.1 Terbuka kepada semua Persatuan Pentadbir universiti awam.

3.2 Merupakan ahli yang berdaftar dengan MASTI.

3.3 Wajib menggunakan borang manual yang telah disediakan dan hendaklah dikemukakan melalui Pengerusi/Presiden Persatuan Pentadbir Universiti Awam masing-masing atau melalui pihak Pengurusan Universiti masing-masing.

3.4 Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dokumen berikut:

3.4.1 Bahan bukti sumbangan dan pencapaian (contoh: sijil, surat penghargaan, surat lantikan, laporan projek, bukti bergambar, keratan akhbar dan sebagainya). Bahan bukti yang dikemukakan hendaklah mempunyai keterangan jelas yang menunjukkan penglibatan persatuan seperti tertera nama / gambar exco atau ahli / mana-mana kaedah yang menjelaskan penglibatan persatuan. Mana-mana sumbangan dan pencapaian yang tidak mengemukakan bahan bukti tidak akan diterima dan tidak akan dinilai. Mana-mana bahan bukti yang tidak menunjukkan penglibatan calon secara jelas juga tidak akan diterima dan tidak akan dinilai.

3.5 Tarikh tutup pencalonan adalah sebagaimana maklumat pada poster induk.

4. HADIAH

4.1 Sijil Pemenang
4.2 Trofi
4.3 Wang Tunai bernilai :
- 4.3.1 Penarafan emas – RM300
- 4.3.2 Penarafan perak – RM200
- 4.3.3 Penarafan gangsa – RM100
- 4.3.4 Saguhati – Sijil

5. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PEMILIHAN CALON

5.1 Pencalonan hendaklah dibuat menggunakan borang manual yang dikepilkan dalam laman web rasmi MASTI. Kaedah pencalonan adalah seperti berikut :

5.1.1 Mencalonkan diri sendiri; atau
5.1.2 Dicalonkan oleh rakan sekerja; atau
5.1.3 Dicalonkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) / Jabatan; atau
5.1.4 Dicalonkan oleh Presiden Persatuan Pentadbir

5.2 Penyertaan pencalonan yang pertama adalah PERCUMA. Manakala penyertaan pencalonan yang ke-2 dan seterusnya dikenakan bayaran sebanyak Ringgit Malaysia : Dua Puluh sahaja (RM20.00).

5.3 Semua pencalonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada urus setia untuk tujuan pemilihan muktamad. Hanya satu Persatuan Pentadbir sahaja akan dipilih sebagai pemenang bagi setiap penarafan.

5.4 Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada pencapaian markah minimum yang ditetapkan oleh Panel Penilai. Sekiranya tiada Persatuan yang mencapai markah minimum yang ditetapkan, tiada penerima bagi kategori anugerah ini.

5.5 Keputusan akhir yang telah dipersetujui oleh Panel Penilai Anugerah Pentadbir Universiti Awam dan Jawatankuasa Eksekutif MASTI akan dimaklumkan secara rasmi kepada setiap pemenang yang terpilih melalui Presiden Persatuan Pentadbir dan Pendaftar universiti masing-masing.

5.6 Semua keputusan yang dikeluarkan adalah muktamad.

6. PENUTUP

6.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Jawatankuasa Majlis Anugerah Gemilang (MAGMA),
Anugerah Pentadbir, Penjurian, Sistem & Hadiah

Pegawai (1) : Puan Kartini Tajul Urus - 012-200 1781
Pegawai (2) : Encik Helmee Yaacob - 012-719 2294